

Pemimpin dunia akur pandangan Malaysia

UM 2 1 OCT 2001

SHANGHAI 20 Okt. — Beberapa orang pemimpin dunia bersejua dengan pandangan Malaysia bahawa satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan perlu diadakan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, sebahagian besar pemimpin dunia yang menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini yang ditemuinya berpendapat, usaha tersebut perlu dilakukan dengan matlamat untuk memerangi pengganas.

"Saya tidak menekankan mengenai soal persidangan ini semasa mengadakan pertemuan dengan mereka tetapi sebahagian besar mereka yang saya temui berpendapat ia perlu dilakukan untuk memerangi pengganas," jelasnya.

Dr. Mahathir sebelum ini telah mencadangkan agar satu sidang antarabangsa mengenai keganasan diadakan bagi mengenal pasti taktik pengganas dalam usaha memerangi mereka.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri berkata, beliau turut memberi contoh Tentera Republikan Ireland (IRA) yang disifatkan sebagai pengganas oleh kerajaan Britain tetapi tidak oleh Amerika Syarikat (AS).

Sebaliknya ramai daripada kalangan warga AS yang berketurunan Irish menyokong IRA, katanya dalam sidang akhbar petang ini ketika ditanya mengenai hasil pertemuan dua halanya dengan beberapa pemimpin dunia di sini hari ini.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden AS George W. Bush, Presiden Rusia Vladimir

Putin, Presiden China Jiang Zeimen dan Presiden Mexico Vicente Fox.

Menurut Perdana Menteri, Putin bersimpati dengan masalah yang menimpa rakyat Palestin dan Presiden Yasser Arafat.

Bagaimanapun, beliau amat berhati-hati dalam isu ini kerana satu pertiga daripada penduduk Israel adalah bangsa Yahudi yang berasal dari Rusia.

"Walaupun beliau berhati-hati, Putin juga mahu memastikan masalah yang melanda di Asia Barat itu diselesaikan," jelasnya.

Mengenai pertemuan dengan Jiang Zeimen, Dr. Mahathir berkata, pemimpin China itu mahu mengetahui pendirian Malaysia mengenai usaha memerangi pengganas.

"Beliau (Zeimen) cuma mendengar jadi saya menjelaskan sepenuhnya mengenai pandangan Malaysia berhubung isu ini," jelasnya.

Mengenai cadangan pewujudan Dana Kewangan Asia yang pernah dicadangkan oleh Malaysia ketika krisis kewangan 1997 melanda tetapi kini mula diterima oleh masyarakat antarabangsa, Perdana Menteri menegaskan :

"Keadaan itu dengan sendirinya menunjukkan semua tindakan yang kita lakukan umpamanya langkah kawalan kewangan mula diterima.

"Tindakan kita menangkap mereka yang boleh menggugat keselamatan awam tanpa perbicaraan dan menyelamatkan syarikat yang bermasalah juga mula diterima," kata beliau. — Utusan